



*PEACOCK MANTIS SHRIMP INSPIRASI PAKAIAN SANTAI*

Oleh:

NOOR HIDAYU BINTI HUSSIN

UNIVERSITI

MALAYSIA

KELANTAN

Latihan ilmiah ini dikemukakan untuk memenuhi sebahagian daripada syarat  
memperolehi ijazah sarjana muda teknologi kreatif dengan kepujian

**Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan**

**Universiti Malaysia Kelantan**


### **Thesis Declaration**

I hereby certify that the work embodied in this report is the result of the original research and has not been submitted for a higher degree to any other University or Institution.




## **OPEN ACCESS**

I agree that my report is to be made immediately available as hardcopy or on-line open access (full text)



## **CONFIDENTIAL**

(Contains confidential information under the official Secret Act 1972)



## **OPEN ACCESS**

(contains restricted information as specified by the organisation where research was done)

I acknowledge that University Malaysia Kelantan reserves the right as follows.

1. The report is the property of University Malaysia Kelantan.
2. The library of University Malaysia Kelantan has the right to make copies of the purpose of research only.
3. The library has the right to make copies of the report for academic exchange.

Certified By:

Date:

Signature Of Supervisor

Name:

Date:

## PENGAKUAN

Laporan ini adalah hasil usaha pelajar sendiri berdasarkan kepada penyelidikan yang telah dilakasankan pada semester vii 2014/2015, kecuali pada bahagian-bahagian yang diberikan kredit dan yang dilampirkan dari sumber-sumber yang telah dinyatakan.

..... Tarikh:

Nama Pelajar : NOOR HIDAYU BINTI HUSSIN

No. Matrik : C11A152

Disahkan oleh:

..... Tarikh:

Nama penyelia : Puan Nor Sofiatul Akma Binti Jamaludin

Cop Jawatan :

## PENGHARGAAN

Bersyukur ke Hadrat Ilahi dengan limpah dan izin-Nya dapat saya menyiapkan Laporan Projek Penyelidikan untuk memenuhi syarat bergraduasi di Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan dengan sempurna.

Sekalung penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dalam menyiapkan Projek Penyelidikan ini. Ucapan terima kasih diucapkan kepada penyelia projek penyelidikan, puan Nor Sofiatul Akma Binti Jamaludin.

Penghargaan istimewa kepada kedua ibu bapa, Encik Hussin Bin Mamat dan Puan Hamidah Binti Hassan serta keluarga yang banyak memberi sokongan dan galakkan dalam melaksanakan projek penyelidikan ini.

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

**ABSTRAK**

Pakaian santai atau '*resort wear*' pada asalnya dipasarkan untuk golongan atasan, oleh kerana jenis fabric yang digunakan seperti *chiffon* dan *crepe* merupakan jenis fabrik yang mahal. Selain itu, fabrik tersebut juga berkualiti dan selesa untuk dipakai. Hal ini demikian kerana, fabriknya yang lembut dan sangat selesa apabila dipakai menjadi pilihan untuk golongan atasan. Namun, produk ini tetap menggunakan material-material tersebut pada harga mampu milik.

Pemilihan motif hidupan akuatik iaitu '*peacock mantis shrimp*'. *Peacock mantis shrimp* merupakan salah satu daripada makhluk yang paling menawan di laut. Badan keras yang dipenuhi dengan warna-warna terang seperti merah, hijau, oren dan biru. Warna-warnanya yang eksotik dan harmoni menambahkan lagi keceriaan pada pemakai. Di samping, tekstura-teksutura yang diinspirasikan daripada peacock mantis shrimp diilhamkan dalam rekaan ini dengan menggunakan *lace* dan *beads*. Walaubagaimanapun, *lace* dan *beads* juga digunakan untuk menampakkan penampilan yang ekslusif dan elegan. Pakaian santai ini sesuai untuk golongan dewasa yang berumur 18 hingga 30 tahun, yang mahu tampak bergaya dan elegan serta ekslusif.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## ABSTRACT

Casual wear or 'resort wear' was originally marketed to the elite, being the type of fabric used as chiffon and crepe is a type of rich fabrics. In addition, the fabric is also of high quality and comfortable to wear. This is so because, fabric soft and very comfortable when worn as a choice for the elite. However, these products continue to use these materials at affordable prices.

Selection aquatic motif of 'peacock mantis shrimp'. Peacock mantis shrimp is one of the most beautiful creatures in the sea. Hard body that is filled with bright colors like red, green, orange and blue. The exotic colors and harmonies add to the richness of the user. In addition, texture, textures inspired by the peacock mantis shrimp in this design inspired by lace and beads. However, lace and beads are used to reveal an exclusive and elegant appearance. Casual dress is suitable for adults aged 18 to 30 years, who want to look stylish, elegant and exclusive.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

**ISI KANDUNGAN**

<b>Thesis declaration</b>	i
<b>Pengakuan</b>	ii
<b>Penghargaan</b>	iii
<b>Abstrak</b>	iv
<b>Abstract</b>	v

**BAB 1 PENGENALAN**

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Definisi Perkataan	5
1.3.1 Pakaian	5
1.3.2 Santai	6
1.3.3 Hidupan	6
1.3.4 Akuatik	6
1.4 Kepentingan Kajian	6
1.5 Objektif Kajian	8
1.6 Persoalan Kajian	8
1.7 Batasan Kajian	9
1.7.1 Skop Kajian	10
1.7.2 Limitasi Kajian	10

1.8 Kesimpulan	11
----------------	----

**BAB2 KAJIAN LITERATUR**

2.0 Kajian Literatur	12
2.1 Pelancongan	12
2.1.1 Tahun Melawat Malaysia	12
2.1.2 Pelancongan	18
2.2 Eko-Pelancongan	18
2.3 Aktiviti Dan Lokasi	19
2.4 Pakaian	20
2.5 Santai	20
2.6 Pakaian Santai	21
2.7 Pereka Pakaian Santai	24
2.8 Fabrik	25
2.9 Warna	26
2.9.1 Dimensi Warna	27
2.9.2 Warna Panas	27
2.9.3 Warna Sejuk	28
2.9.4 Warna Semulajadi	28
2.10 Bentuk Atau Silhouette	29

2.11 Aksesori Pelengkap Kepada Pakaian Santai	30
2.11.1 Skarf	31
2.11.2 Beg	31
2.11.3 Kaca Mata	32
2.11.4 Gelang Dempak	33
2.11.5 Kasut Atau Sandal	33
2.12 Hidupan Akuatik	33
2.13 Hidupan Akuatik Sebagai Pelengkap Pakaian Santai	34
2.14 <i>Peacock Mantis Shrimp</i> Inspirasi Pakaian Santai	36

### BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.0 Metodologi Kajian	37
3.1 Rekabentuk Kajian	37
3.2 Kaedah Kajian	37
3.3 Prosedur Kajian	38
3.3.1 Kaedah Perpustakaan/Kajian Teks	38
3.3.2 Kaedah Lapangan	40
3.3.3 Soal Selidik	40
3.4 Kesimpulan	41

**BAB 4 PERKEMBANGAN PROJEK**

4.0 Perkembangan Projek	42
4.1 Menentukan Konsep Rekaan	44
4.2 Proses Rekacorak Pada Tekstil	45
4.2.1 Pemilihan Motif Dan Perkembangan Idea Motif	45
4.2.2 Perkembangan Motif	47
4.2.3 Perkembangan Reka Letak Dan Pemilihan Reka Letak	49
4.2.4 Pemilihan Warna Untuk Reka Corak Batik	53
4.3 Fabrik	53
4.3.1 Teknik	55
4.3.1(A) Teknik Batik	56
4.3.1(B)Teknik Pemidang	57
4.3.1(C)Teknik Sulaman	59
4.4 Olahan Reka Bentuk Fesyen	60
4.4.1 Reka Bentuk Fesyen Terpilih	60
4.5 Produk Aksesori	70

**BAB 5 KEUSAHAWANAN KREATIF**

5.0 Keusahawanan Kreatif	71
5.1 Sasaran Pasaran	72
5.2 Pasaran Campuran	73

5.2.1 Produk	73
5.2.2 Menentukan Harga Produk	74
5.2.3 Mengenalpasti Lokasi	76
5.2.4 Promosi Produk	77
5.3 Kaedah Paparan	77
5.3.1 Kad Perniagaan	78

## BAB 6 KESIMPULAN DAN CADANGAN

6.1 Pengenalan	79
6.2 Capaian Tujuan Dan Objektif	80
6.3 Cadangan Penambahbaikan	80

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

## SENARAI GAMBARAJAH

No	Tajuk	Muka surat
1	Contoh warna pada pakaian santai koleksi pada tahun 2013 oleh Alberta Ferretti.	1
2	Papan cerita atau <i>mood board</i> yang diinspirasikan daripada hidupan laut. (Sumber: Noor Hidayu Bt Hussin)	44
3	<i>The peacock mantis shrimp</i> oleh Loraine Louts, 2014	45
4	Kehidupan <i>peacock mantis shrimp</i> dalam laut dalam	45
5	Lukisan <i>peacock mantis shrimp</i> menggunakan warna air oleh Noor Hidayu Bt Hussin, 2015	48
6	Lukisan <i>peacock mantis shrimp</i> menggunakan warna air oleh Noor Hidayu Bt Hussin, 2015	48
7	Lakaran lukisan perkembangan idea daripada mata <i>peacock shrimp</i> . (sumber: Noor Hidayu Bt Hussin, 2015)	49
8	Lakaran olahan perkembangan idea daripada <i>appendages peacock mantis shrimp</i> . (sumber: Noor Hidayu Bt Hussin, 2015)	49
9	Mengambil <i>detailing</i> pada kepala <i>peacock mantis shrimp</i> . (sumber: Noor Hidayu Bt Hussin, 2015)	50
10	Olahan yang diambil daripada kaki <i>peacock mantis shrimp</i> . (sumber: Noor Hidayu Bt Hussin, 2015)	50
11	Idea perkembangan reka letak yang dipilih, oleh Noor Hidayu Bt Hussin, 2015	51
12	Idea perkembangan reka letak yang dipilih, oleh Noor Hidayu Bt Hussin, 2015	51
13	Idea perkembangan reka letak yang dipilih, oleh Noor Hidayu Bt Hussin, 2015	52
14	Idea perkembangan reka letak yang dipilih, oleh Noor Hidayu Bt Hussin, 2015	52
15	Warna yang telah dikeluarkan daripada badan <i>peacock mantis shrimp</i> dengan menggunakan <i>adobe illustration</i> , oleh Noor Hidayu Bt Hussin, 2015	53
16	<i>Sea creatures fashion</i> oleh Alexander McQuen, 2009	55

17	Teknik batik yang dilakukan pada bahagian badan pattern. (sumber: Noor Hidayu Bt Hussin, 2015)	57
18	Teknik pemidang yang dijahit bersama <i>lace</i> dan <i>beads</i> untuk menaikkan tekstura. (sumber: Noor Hidayu Bt Hussin, 2015)	58
19	Tekstura pada bahagian tubuh baju dengan menggunakan teknik pemidang. (sumber: Noor Hidayu Bt Hussin, 2015)	59
20	Teknik sulaman pada bahagian tubuh baju. (sumber: Noor Hidayu Bt Hussin, 2015)	60
21	Olahan rekabentuk fesyen akhir yang terpilih bagi pakaian santai atau <i>resort wear</i> . (sumber: Noor Hidayu Bt Hussin, 2015)	61
22	Olahan rekabentuk fesyen bagi pakaian santai atau <i>resort wear</i> . (sumber: Noor Hidayu Bt Hussin, 2015)	62
23	Tekap pola pada <i>fabric chiffon</i> untuk membuat batik canting. (sumber: Noor Hidayu Bt Hussin, 2015)	63
24	Warna batik pada <i>fabric chiffon</i> yang telah ditekap. (sumber: Noor Hidayu Bt Hussin, 2015)	64
25	Pewarnaan batik pada <i>pattern</i> badan dan lengan. (sumber: Noor Hidayu Bt Hussin, 2015)	65
26	Teknik pemidang, <i>lace</i> dijahit pada <i>fabric chiffon</i> . (sumber: Noor Hidayu Bt Hussin, 2015)	66
27	Teknik sulaman mesin. (sumber: Noor Hidayu Bt Hussin, 2015)	67
28	Baju yang telah siap.	68

MALAYSIA  
KELANTAN



UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN



UNIVERSITI  

---

  
MALAYSIA  

---

  
KELANTAN

## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 Pengenalan

Pengenalan merupakan satu keterangan ringkas secara menyeluruh yang berkaitan dengan kajian kes. Dalam pengenalan kajian kes ini latar belakang dan sesuatu definisi tajuk akan di jelaskan dengan jelas serta sebab-sebab kajian itu di buat serta pemasalahan yang berlaku.

Eko-pelancongan merupakan pelancongan berdasarkan sumber alam semulajadi tanpa menjelaskannya. Kajian ini mengkaji mengenai ‘pakaian santai bermotifkan hidupan akuatik’. Dalam kajian ini, pengkaji telah mengaitkan hidupan akuatik sebagai motif dalam pakaian santai. Pakaian ditakrifkan sebagai penutup badan dan anggota. Manakala santai pula bermaksud istirehat atau relaks. Pakaian santai merupakan pakaian yang bermusim, pakaian ini pada asalnya dipasarkan untuk golongan atasan. Terdapat beberapa pereka dan syarikat yang telah mereka pakaian santai antaranya Crew, Lilly Pulitzer, dan Tommy Bahama, Alberta Ferretti, Chanel, Oscar de la Renta, Michael Kors, John Galliano, Matthew Williamson, Anna Sui, Prada dan ramai pereka lain yang telah menunjukkan pakaian santai dalam koleksi mereka .

Pengkaji memilih golongan remaja akhir yang berusia di antara 18 hingga 35 tahun sebagai golongan yang banyak meluangkan masa untuk percutian dan lebih aktif dalam pelbagai aktiviti pelancongan contohnya *scuba diving*, spa kesihatan, berbasikal, belayar, *sun bathing* dan aktiviti dalam hotel

atau kawasan awam. Golongan ini, lebih cenderung kepada percutian pinggir pantai, laut dan pulau.

Pengkaji telah melihat rekabentuk-rekabentuk pakaian santai yang sesuai dengan pelbagai aktiviti pelancongan seperti pakaian untuk majlis makan malam, majlis tari-menari, dan pelbagai lagi. namun, kebiasaannya pelancong menggayakan rekabentuk yang ringkas walaubagaimanapun masih kelihatan elegan seperti rekabentuk maxi dress untuk kaum wanita, manakala untuk lelaki kebiasanya berkemeja polos dan berseluar ringkas.

Pengkaji telah melihat beberapa contoh gambar warna yang sering digunakan pada pakaian santai. Mereka banyak menggunakan warna-warna yang lembut dan kebanyakannya daripadanya menggunakan warna semula jadi seperti warna biru laut, hijau, coklat lembut, kuning lembut dan sebagainya. Hal ini demikian kerana, ingin memaparkan perasaan yang tenang, relaks, nyaman dan ceria.



Gambar 1: Contoh warna pada pakaian santai koleksi pada tahun

2013 oleh Alberta Ferretti.

Pakaian santai lebih kepada kepenggunaan fabrik yang lembut dan sejuk yang disesuaikan dengan iklim Asia terutamanya di Malaysia. Oleh kerana iklim di Malaysia adalah panas dan sejuk sepanjang tahun, pemilihan

fabrik hendaklah menyerap peluh dan memberi keselesaan kepada pemakai.

Fabrik yang sering digunakan seperti cotton, chiffon, satin, fuji dan banyak lagi.

Dalam kajian ini pengkaji telah mengaitkan hidupan akuatik sebagai motif untuk pakaian santai. Daripada kepelbagaian jenis hidupan akuatik seperti lionfish, terumbu karang, penyu, udang peacock shrimp dan lain-lain. Pengkaji boleh menekankan kepada warna, tekstur, pergerakan dan cara habitat hidupan akuatik itu.

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Antara buku yang telah pengkaji gunakan untuk membuat rujukan tentang rekabentuk, teknik dan jenis tekstil yang sesuai untuk pakaian santai. Selain fesyen, pengkaji juga telah membuat rujukan mengenai perletakan rekaan dan motif daripada udang peacock mantis serta bagaimana cara untuk membangunkan idea-idea tersebut.

InStyle The New Secrets of Style (2009), ditulis oleh Jennifer Alfano, Diterbitkan oleh InStyle, buku ini telah memberi banyak gambaran rekabentuk yang sesuai dengan aktiviti yang dilakukan. Selain itu, dalam buku ini juga telah memberi cadangan mengenai jenis fabrik, pattern, dan details. Di samping itu juga, dalam buku ini telah memberi gambara dalam memainkan warna, dress style primer, skirt style primer, pants style primer dan jacket style primer.

Resort Fashion, (2009), CAROLINE RENNOLDS MILLBANK, diterbitkan oleh RIZZOLI INTERNATIONAL PUBLICATIONS, INC. Dalam buku ini telah menceritakan perihal satu perjalan lintasan laut yang bermakna dapat memberi banyak peluang dan aktiviti untuk bercampur dengan penumpang lain, seperti dalam majlis makan malam, majlis tari-menari dan majlis costume.

SILK, MOHAIR, CASHMERE AND OTHER LUXURY FIBRES (2001), ditulis oleh Robert R Franck, diterbitkan oleh WOODHEAD PUBLISHING LIMITED. Menyatakan bahawa apa yang membuat serat yang mewah ialah pada kelembutan fabric tersebut. Sebahagian, kapas dan gentian sayur-sayuran masing-masing akan mempunyai umur perlindungan mereka sendiri.

Textile Design-Principles, advances and applications,(2011), ditulis oleh A. Briggs-Goode dan K. Townsend, diterbitkan oleh WOODHEAD PUBLISHING. Fabrik diperbuat daripada benang dan serat. Fabrik boleh dibuat oleh pelbagai proses termasuk tenunan, mengait, diikatnya dengan benang dan berpusing bersama-sama dan oleh gentian ikatan bersama-sama. Benang diperbuat daripada serat boleh menjadi seperti semula jadi seperti kapas dan bulu, atau buatan manusia seperti akrilik dan polyester.

Fashion and Textiles an overview, (2004), ditulis oleh Colin Gale dan Jasbir Kaur, diterbitkan oleh Berg, menyatakan perbezaan antara fesyen dengan tekstil. Selain itu juga, buku ini mengenai pemilihan fabrik dalam satu koleksi.

Color Matching, (2014), oleh Sandu Publishing Co., Ltd, dan diterbitkan oleh Page One Mengambarkan kombinasi warna yang sesuai dan cantik.

Research and Design, (2007), oleh Simon Seiverwright, diterbitkan oleh Ava Academia, menyatakan mengenai bagaimana untuk menterjemahkan penyelidikan ke dalam idea-idea reka bentuk awal kemudianya diterokai,

Secara rumusannya, ekopelancongan merupakan pelancongan yang berasaskan alam semulajadi. Diharapkan agar pelancongan ini akan dapat menyumbang kepada penyelenggaraan bagi pemeliharaan dan pemuliharaan alam semula jadi dan hidupan liar. Bagi memastikan alam semulajadi ini terus

terpelihara, selain itu, sumber bagi ekopelancongan ini hendaklah dimajukan secara terkawal bagi meminimumkan impak ke atas alam sekitar.

### 1.3 Definisi Perkataan

Pengkaji perlu mentakrifkan setiap satu patah perkataan dalam tajuk kajian supaya tajuk ini dapat dikembangkan. Tajuk kajian pengkaji ialah pakaian santai bermotifkan hidupan laut. Oleh itu, pengkaji telah merujuk buku Kamus Dewan edisi keempat dan pelbagai rujukan lagi.

#### 1.3.1 Pakaian

Pakaian menurut Kamus Dewan dan Pustaka adalah sesuatu yang dipakai samada baju, seluar, kasut dan lain-lain. Pakaian ditakrifkan juga sebagai penutup untuk badan dan anggota badan selain untuk melindungi anggota badan daripada cuaca sejuk dan panas dan juga sebagai keselemanatan manusia daripada kecederaan dan kesakitan pada badan.

Menurut satu blog oleh SENIRUPANUSANTARA pada October 13, 2009 oleh Dr. Wesnina, M.Sn, mendefinisikan pakaian adalah segala sesuatu yang kita pakai mula dari hujung rambut sampai ke hujung kaki. Tambahan lagi, pakaian yang dipakai setiap hari mempunyai dua fungsi besar iaitu. pakaian sebagai penutup tubuh dari gangguan cuaca, dan seterusnya pakaian untuk menunjukkan status sosial si pemakai.

#### 1.3.2 Santai

Santai mengikut Kamus Dewan dan Pustaka adalah satu keadaan rehat dan bebas tanpa desakan dan ketegangan sesuai benar

dijadikan sebagai tempat berbincang tempat perkara-perkara yang rumit secara mendalam.

#### 1.3.3 Hidupan

Hidupan bermaksud sesuatu yang hidup sama ada binatang, tumbuhan dan lain-lain, kuman ialah habitat seni yang sangat halus. Setiap yang hidup pasti ada tuan-nya iaitu Allah s.w.t. segala hidupan yang masih hidup mempunyai tujuan hidup dan hidupan memerlukan antara satu sama lain untuk hidup.

#### 1.3.4 Akuatik

Akuatik pula bermaksud biologi yang bukansahaja sesuatu yang tumbuh atau hidup di dalam atau dasar air di mana tumbuhannya hidup dan membiak dalam air.

Akhir sekali, setiap perkataan mempunyai maksud yang sendiri. Begitu juga dengan tajuk kajian pengkaji di atas. Mengikut kepada tajuk kajian pereka, pereka perlu mengaitkan pakaian santai dengan hidupan akuatik. Hal ini demikian kerana, supaya pereka dapat mencapai objektif kajian ini.

### 1.4 KEPENTINGAN KAJIAN

Pengkaji hendaklah menjelaskan kepentingan dan sumbangan kajian yang akan dilaksanakan terhadap bidang yang dikaji seperti dapat memantapkan penjelasan tentang sesuatu yang bernilai pada alam sekitar.

#### 1.4.1 Meningkatkan kecekapan pengurusan kawasan dilindungi.

Eko-pelancongan akan meningkatkan kecekapan pengurusan kawasan yang dilindungi. Eko-pelancongan lebih menitikberatkan

pendidikan alam sekitar dan pemuliharaannya. Aktiviti ekopelancongan melibatkan penggunaan kawasan yang memberi kesan yang paling minimum terhadap alam semulajadi atau penduduk sekitar.

#### 1.4.2 Eko-pelancongan meningkatkan kepekaan penduduk terhadap alam.

Kegiatan eko-pelancongan akan meningkatkan kepekaan dan pemahaman penduduk tempatan terhadap alam sekitar. Kehadiran pelancong menimbulkan kesedaran penduduk tentang kepentingan menjaga alam sekitar yang sebelum ini dianggap tidak penting. Mereka juga perlu memulihara alam sekitar dan budaya asal mereka agar kehadiran pelancong berterusan.

#### 1.4.3 Meningkatkan imej negara.

Malaysia mempunyai lokasi pantai dan pulau yang menarik tumpuan pelancong untuk merehatkan diri dari tekanan dan menikmati keindahan alam semulajadi. Oleh itu, untuk mengekalkannya masyarakat Malaysia seharusnya mampu mengekalkan keseimbangan ekosistem dalam alam semulajadi.

#### 1.4.4 Meningkatkan imej fesyen pakaian santai

Melalui aktiviti eko-pelancongan seperti majlis makan malam, majlis tari-menari, mengelilingi pulau dan lain-lain lagi, keadaan ini dapat meningkatkan imej fesyen pakaian santai Malaysia sebagai sebuah negara yang pelbagai bangsa.

#### 1.4.5 Memperkenalkan kepelbagaiannya hidupan akuatik.

Malaysia merupakan negara yang mempunyai pantai dan pulau yang cantik dan amat kaya dengan hidupan akuatik seperti terumbu

karang, lionfish, udang lipan, ikan badut dan sebagainya. Oleh itu, melalui aktiviti eko-pelancongan, mereka mampu untuk mengenali habitat lautan.

### 1.5 Objektif Kajian

Objektif kajian merupakan satu garis panduan untuk menjawab segala permasalahan yang ada akan saling berkait dalam setiap kajian kes. Dalam kajian projek penyelidikan ini. Pengkaji telah menetapkan objektif kajian seperti berikut :

- 1.5.1 Untuk mengetahui hubung kait konsep ekopelancongan dengan pakaian santai.
- 1.5.2 Untuk mengenalpasti motif hidupan akuatik dan warna pada pakaian santai.
- 1.5.3 Untuk mengolah reka bentuk yang sesuai untuk pakaian santai supaya bersesuaian dengan konsep santai.

### 1.6 Persoalan Kajian

Berdasarkan kepada tajuk kajian iaitu “Peacock Mantis Shrimph Inspirasi Pakaian Santai” terdapat pelbagai persoalan.

- 1.6.1 Adakah warna pada ‘peacock mantis shrimph’ sesuai dengan konsep pakaian santai?
- 1.6.2 Bagaimanakah motif dan tekstur yang ada pada peacock mantis shrimph untuk dimasukkan ke dalam pakaian santai?

1.6.3 Bagaimanakah reka bentuk pakaian santai yang sesuai dengan masa kini dan menampakkan peacock mantis shrimp sebagai inspirasi?

### 1.7 BATASAN KAJIAN

Batasan kajian dimaksudkan juga sebagai skop kajian yang akan dijalankan. Penjelasan ini penting bagi memastikan pereka dapat memahami sempadan kajian berkenaan. Sebagai pereka, dalam batasan kajian perlu menjelaskan batasan atau limitasi dalam kajian kita seperti sampel kajian, tempoh kajian, limitasi tempat, skop metodologi kajian dan sebagainya. Batasan kajian dalam suatu penyelidikan adalah amat penting supaya kajian yang dilakukan dengan lebih terarah dan sistematik. Dalam menjalankan sesuatu penyelidikan, batasan kajian dapat dikelaskan kepada tiga ciri penting iaitu batasan kawasan yang menghadkan penggunaan teori, dan batasan dari segi masa. Jika skop atau tajuk kajian itu terlalu besar dan umum ini akan menyukarkan pereka untuk menjalankan kajian kelak. Oleh itu, batasan kajian dapat membantu pereka agar lebih tertumpu kepada skop yang lebih kecil.

Batasan kajian tentang kajian kes ini adalah tertumpu kepada Pulau Perhentian di Terengganu. Kajian kes berdasarkan motif kehidupan akuatik di pulau tersebut di mana kajian yang dilakukan adalah berasaskan kepada hidupan laut yang berwarna-warni di dasar laut seperti ikan, terumbu karang dan lain-lain lagi.

Selain itu, kajian dilakukan berdasarkan pakaian santai yang bertumpukan kepada pelancong yang terdiri daripada golongan-golongan yang bertaraf kelas pertengahan di mana mereka dapat melakukan aktiviti ekopelancongan seperti spa kesihatan, mengelilingi pulau melalui kapal dan bot, dan banyak lagi.

Manusia mempunyai tiga lapisan umur iaitu kanak-kanak, remaja dan dewasa. Dalam kajian ini pereka lebih bertumpukan kepada golongan remaja akhir. Oleh kerana, mereka boleh melakukan aktiviti ekopelancongan tanpa kawalan daripada ibu bapa. Dianggarkan umur golongan remaja akhir ialah 18 hingga 30 tahun.

#### 1.7.1 Skop Kajian

Merujuk kepada tajuk kajian pengkaji iaitu peacock mantis shrimph inspirasi pakaian santai, kajian ini lebih memfokuskan kepada inspirasi daripada peacock mantis shrimph untuk menjadi rekaan dalam pakaian santai. Di samping itu, kajian ini juga lebih berfokuskan kepada target pengguna dan kepada siapa produk ini dikeluarkan.

Kajian ini mempunyai target target pasaran untuk rekaan pakaian santai. Selain itu, dalam kajian pengkaji juga lebih memfokuskan target umur iaitu daripada 18 hingga 30 tahun.

#### 1.7.2 Limitasi Kajian

Dalam kajian ini pengkaji telah melimitasikan kajian dalam beberapa perkara antaranya lokasi, golongan sasaran, target umur dan motif atau inspirasi dalam pakaian santai.

Pengkaji telah memilih Pulau Perhentian, Terengganu sebagai kawasan kajian dalam menilai dan mengkaji habitat dan jenis-jenis hidupan akuatik yang akan digunakan sebagai motif pada pakaian santai. Selain itu,

pengkaji juga melihat pada rekabentuk pakaian santai yang sering digunakan dalam aktiviti santai.

Selain itu, pengkaji juga hanya memfokuskan kepada hidupan akuatik untuk dijadikan motif pada pakaian santai, terdapatnya beberapa jenis hidupan akuatik dan seterusnya pengkaji perlu memilih satu jenis hidupan akuatik sahaja. Oleh hal yang demikian, pengkaji telah memilih peacock mantis shrimp sebagai inspirasi dalam kajian ini.

Seterusnya, pengkaji telah melimitasikan golongan sasaran dalam kajian ini, golongan sasaran yang telah dipilih oleh pengkaji ialah tergolong daripada golongan peringkat atasan dan peringkat pertengahan, kerana pada tahap golongan ini mereka telah mampu untuk membeli pakaian santai yang berkonsepkan elegan.

Di samping itu, pengkaji telah menyasarkan target umur 18 hingga 30 tahun dalam kajian ini. Oleh kerana, pada peringkat umur ini, mereka telah mampu untuk berdikikari dalam memilikinya.

## 1.8 Kesimpulan

Dalam kajian yang bertajuk pakaian santai bermotifkan hidupan akuatik ini pengkaji perlu menjelaskan segala kajian dengan terperinci, untuk mendapatkan maklumat secara terperinci pengkaji juga perlu membuat batasan kajian supaya pereka dapat menumpukan perhatian dalam setiap batasan kajian tersebut. Seterusnya, selain daripada batasan kajian tersebut, pengkaji juga perlu mengetahui pandangan-pandangan dan maklumat daripada tokoh mengenai apa yang dikaji oleh pengkaji.

## BAB 2

### KAJIAN LITERATUR

#### 2.0 Kajian Literatur

Kajian literatur merupakan kajian daripada pandangan-pandangan tokoh dan penulis mengenai topik yang dikaji oleh pengkaji. Pandangan-pandangan tersebut kemudiannya diringkaskan dan dianalisis berdasarkan tajuk kajian. Kajian dan analisis berdasarkan kepada pelancongan dan ekopelancongan di Malaysia, pakaian santai dalam melakukan aktiviti santai dalam ekopelancongan, aksesori sebagai pelengkap kepada pakaian santai, motif hidupan akuatik yang mempengaruhi pakaian santai.

#### 2.1 Pelancongan

Pelancongan merujuk kepada aktiviti melawat, melancong atau mengembara ke sesuatu tempat lain yang melebihi lima puluh batu dari tempat kediaman tidak lebih dari satu tahun untuk tujuan rekreasi atau mengisi masa lapang.

##### 2.1.1 Tahun Melawat Malaysia(TMM)

Menurut daripada rencana Utusan Online(2014), oleh M Jasni Majed mengatakan bahawa TMM 2014 menyasarkan sejumlah 28 juta pelancong dengan nilai pendapatan sebanyak RM76 bilion. TMM dilancarkan buat kali pertama pada tahun 1990 dengan mencatat sejumlah 7.4 juta pelancong. Sementara itu, TMM 2007 mencatat

sejumlah 20.97 juta pelancong dengan pendapatan berjumlah RM46.1 bilion.

Logo	Huraian
	<p>Logo TMM1990 sebagai mercu tanda terkenal di Kuala Lumpur, Bangunan Sultan Abdul Samad telah dipaparkan sebagai logo rasmi Tahun Melawat Malaysia 1990. Hari Kemerdekaan Malaysia pada 31 Ogos 1957 adalah peneraju untuk 84 acara utama, 14 perayaan dan sembilan pameran semasa tahun melawat Malaysia (TTM) 1990. Lagu "To know Malaysia is to love Malaysia" sangat memberi impak semasa TMM 1990.</p>
	<p>Logo TMM pada tahun 1994. Bangunan Sultan Abdul Samad masih dikekalkan dalam logo ini, untuk menunjukkan Malaysia sebagai sebuah negara yang merdeka.</p>

	
	<p>TMM yang ketiga telah dilancarkan pada tahun 2007 sempena ulang tahun kemerdekaan ke-50 Malaysia. oleh itu, TMM 2007, Malaysia menggunakan tema 'Menyambut 50 Tahun Kemerdekaan Negara' untuk menggambarkan dan menunjukkan kemeriahan negara ini dengan adanya kepelbagaian bangsa dan budaya.</p>
	<p>Pada tahun 2014, Malaysia akan menyambut ke-4 Tahun Melawat Malaysia yang bertema 'Meraikan 1Malaysia Truly Asia' untuk</p>

	<p>menggambarkan kepelbagaian dalam perpaduan rakyat Malaysia.</p>
	<p>MyFEST 2015 bertemakan 'Endless Celebration' akan menonjolkan kepelbagaian budaya dan perayaan yang ada dalam Malaysia. oleh kerana Malaysia mempunyai masyarakat majmuk yang mempunyai pelbagai jenis bangsa maka ini menambahkan lagi perhatian pelancongan asing, selain sesuai dengan tema MyFest pada tahun ini.</p>

Rajah : Menunjukkan logo untuk Tahun Melawat Malaysia .

Tahun melawat Malaysia adalah faktor utama yang paling penting dalam mencapai sasaran pelancong yang datang ke Malaysia untuk melakukan aktiviti pelancongan. Justeru itu, sektor pelancongan adalah penting dalam meningkatkan ekonomi negara disamping dapat memperkenalkan adab, bahasa dan kepelbagaian hidupan akuatik kepada pelancong dalam dan luar negara.

### 2.1.2 Pelancongan

Malaysia mempunyai pelbagai lokasi dan tempat yang menarik untuk dikunjungi dan diterokai. Tambahan pula, dengan kepelbagaiannya flora dan fauna yang berwarna-warni dan menambahkan lagi keistimewaan pelancongan di Malaysia. Oleh hal yang demikian, tarikan tersebut dapat menarik pelancong daripada seluruh Negara untuk mengunjungi dan menerokai Malaysia, dan kenyataan ini telah disokong oleh Utusan Online melalui peningkatan pelancongan ke Malaysia.

Menurut Utusan Online,(2013) oleh Helmi Mohd Foad menyatakan dalam artikelnya bahawa Malaysia berada pada landasannya untuk mencapai sasaran kemasukan 26.8 juta pelancong tahun ini. Tambahan lagi dengan penyataan daripada Menteri Pelancongan dan Kebudayaan iaitu Datuk Mohamed Nazri Abdul Aziz berkata, industri pelancongan kekal menjadi penyumbang ketiga terbesar kepada ekonomi negara ini apabila tahun lalu sektor tersebut mencatatkan pendapatan sejumlah RM60.6 bilion melalui kemasukan 25 juta pelancong.

Malaysia amat kaya dengan sejarah dan khazanah-khazanah alam yang berharga dan unik. Barang-barang dan artifik sejarah di Malaysia masih dikenalkan dan dijaga dengan rapi. Selain itu, Malaysia juga mempunyai banyak lokasi yang sesuai untuk aktiviti pelancongan di mana Malaysia mempunyai pelbagai kawasan yang menarik dengan pulau, gua, gunung, taman negara dan banyak lagi. Oleh hal yang demikian, melalui portal “Visit Malaysia 2014 Truly Asia”(2014) membuktikan bahawa Malaysia mempunyai pelbagai tempat menarik

untuk dilawati. Dari bangunan-bangunan lama yang menyediakan pelbagai budaya warisan tambahan pula dengan bangunan-bangunan moden yang menonjolkan semangat jati diri penduduk Malaysia.

Selain itu, melalui wujudnya kepelbagaian khazanah lama dan moden yang dilihat kontemporari, amat sesuai pada zaman ini memberi kesan yang mendalam terhadap pelancong dalam Malaysia dimana negara ini mampu mencatat kedudukan yang kesembilan paling tinggi dilawati di dunia.

Kenyataan tersebut dibuktikan lagi dalam The Malaysian Times,(2012) oleh Bernama diiktiraf oleh World Tourism Organization (UNWTO) sebagai negara kesembilan paling tinggi dilawati di dunia dari 2009 hingga 2011, Malaysia turut berada pada kedudukan ke-14 teratas daripada segi pendapatan sektor pelancongannya.

Seterusnya, oleh disebabkan Malaysia mempunyai kepelbagaian budaya disebabkan oleh masyarakat yang majmuk yang mempunyai variasi adat, Malaysia mampu menonjol dan ini menjadi sebagai tarikan kepada pelancong.

Hal ini dapat dibuktikan melalui satu portal rasmi Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia, (2015). Kekayaan pelbagai budaya yang ada di Malaysia telah merealisasikan kempen Malaysia Year of Festivals 2015. Kempen yang bertemakan "*Endless Celebrations*" ini bertujuan untuk menonjolkan dan meraikan kepelbagaian budaya dan perayaan yang banyak terdapat di Malaysia sebagai tarikan kepada pelancong. MyFest 2015 juga mensasarkan untuk terus meningkatkan pertumbuhan industri pelancongan yang dicapai sepanjang pelaksanaan Tahun Melawat Malaysia 2014.

Secara rumusannya, Malaysia mempunyai kepelbagaian lokasi yang menarik di samping mempunyai kepelbagaian adat dan bahasa serta Malaysia juga mempunyai kepelbagaian hidupan tumbuh-tumbuhan dan haiwan yang patut diterokai oleh pelancong dari luar maupun dalam.

## 2.2 Eko-pelancongan

Dalam sektor pelancongan terdapat pelbagai jenis pelancongan antaranya eko-pelancongan, agro-pelancongan, pelancongan pendidikan dan banyak lagi. Namun, di antara sektor pelancongan tersebut yang menjadi pilihan ramai ialah ekopelancongan. Hal ini demikian kerana, ekopelancongan berkait rapat dengan alam semula jadi. Melalui aktiviti ekopelancongan pelancong dapat menerokai dan menjelajah alam semulajadi.

Melalui eko-pelancongan, para pelancong dapat melihat dan menerokai serta mengagumi sendiri alam semulajadi apabila mereka dapat melihat sendiri tumbuh-tumbuhan dan hidupan akuatik. Justeru itu, alam semulajadi perlulah dijaga dan dipelihara agar dapat berkekalan dan seterusnya dapat menarik pelancong daripada pelbagai negara. Seperti yang dikatakan oleh Ainal Marhaton abd Ghani, (2014), dalam Harian Metro, kepelbagaian ikan di sungai adalah satu warisan rakyat Malaysia. Usaha konservasi dilaksanakan dalam usaha memastikan spesies ikan air tawar itu terpelihara dan diurus secara lestari di Taman Negara.

Selain itu, melalui aktiviti ekopelancongan juga dapat mengekalkan keseimbangan alam semulajadi. Hal ini demikian kerana, ekopelancongan memupuk setiap masyarakat supaya menjaga alam semulajadi supaya khazanah tersebut dapat kekal lama dan dapat digenerasikan kepada generasi

yang akan datang. Keadaan ini secara tidak langsung dapat mengekalkan keseimbangan ekosistem hidupan alam semulajadi.

*“Sektor ekopelancongan, jika dilakukan dengan garis panduan yang betul pasti akan membantu pemuliharaan penyu secara lebih sistematik dan terancang daripada pelbagai pihak,”*

*Datuk Dr Dionysius Sharma(2013)*

Seterusnya, alam semulajadi perlu dijaga dan dipelihara oleh semua jenis golongan masyarakat untuk mengekalkan ekosistem alam semulajadi. Secara tidak langsung, mengekalkan ekosistem alam semulajadi mampu menjaga keseimbangan alam semulajadi perlu dikekalkan untuk menarik minat lebih ramai pelancong datang ke Malaysia.

### 2.3 Aktiviti dan Lokasi

Dalam ekopelancongan terdapat banyak kawasan dan lokasi yang dapat diterokai oleh pelancong antaranya gunung, Taman Negara, pulau, laut dan banyak lagi. Terdapat pelbagai aktiviti yang dapat dilakukan contohnya mendaki gunung, *jungle trekking, scuba diving, spa*, dan banyak lagi.

Dalam portal Visit Malaysia 2014 Truly Asia, (2014) menurutnya, di Malaysia, setiap hari adalah hari keseronokan dan pengembaraan semasa Tahun Melawat Malaysia 2014. Sama ada ia adalah mendaki gunung, berakit di air, pelayaran sungai, merentas hutan, menyelam, sukan laut, membelih belah, dan banyak lagi. Dalam portal ini juga mencadangkan beberapa lokasi untuk lawati antaranya Pulau Sipadan, Pulau Mabul, Pulau Layang-Layang, Pulau Langkawi, Pulau Tioman, Pulau Pangkor, Taman Laut PulauPayar di

Langkawi, Pulau Redang, Pulau Kapas, Lang Tengah Island, Pulau Perhentian, Pulau Aur, Pulau Sibu dan Pulau Rawa.

Di Malaysia, terdapat banyak lokasi yang dapat diterokai oleh pelancong. Pelancong akan berasa hari-hari di Malaysia merupakan hari yang menyeronokkan bagi mereka.

#### 2.4 Pakaian

Pakaian ditakrifkan sebagai penutup untuk badan dan anggota badan selain untuk melindungi anggota badan daripada cuaca sejuk dan panas dan juga sebagai keselemanatan manusia daripada kecederaan dan kesakitan pada badan. Seterusnya, pakaian membuat kenyataan visual yang sangat kuat tentang bagaimana anda kelihatan melalui pemakaian setiap hari.

Menurut dalam sebuah kajian oleh Maria Gracia Inglessis, (2008), yang bertajuk Communicating Through Clothing: The Meaning Of Clothing Among Hispanic Women Of Different Levels Of Acculturation menyatakan bahawa fesyen pakaian memaparkan dengan budaya dan perubahan sosial.

#### 2.5 Santai

Santai bermaksud relaks atau istirehat. Aktiviti santai biasanya diambil dalam hari-hari minggu untuk meluangkan masa sendiri, masa bersama keluarga dan masa bersama kawan-kawan.

Menurut Yaqeen Ahmad, (2008), dalam blognya telah mendefinasikan maksud riadah. Riadah membawa maksud merehatkan diri dengan melakukan suatu aktiviti secara fizikal dan menghasilkan sesuatu yang bermanfaat.

Menurut beliau riadah boleh dikategorikan kepada banyak jenis kerana ianya subjektif untuk diklasifikasikan. Beliau telah kategorikan riadah kepada tiga jenis iaitu riadah santai, riadah sederhana lasak dan riadah lasak.

2.5.1 Riadah santai iaitu aktiviti yang menggunakan fizikal tetapi tidak menggunakan banyak ruang. Misalnya, tidur, makan, berbual kosong,

Berforum, menonton televisyen, membaca akhbar dan banyak lagi.

2.5.2 Riadah sederhana lasak iaitu aktiviti yang menggunakan fizikal dan menggunakan ruang yang terhad atau tidak terlalu besar. Contohnya, memasak, berjoging, mandi laut, bermain bola sepak, senaman aerobik, dan bermain bowling.

2.5.3 Riadah lasak iaitu aktiviti yang menggunakan lebih daya fizikal mahupun mental dan menggunakan ruang aktiviti yang lebih terbuka dan luas. Contohnya, *jungle tracking*, *ice-climbing*, mendaki, meluncur, dan bermain *pinball*.

Aktiviti santai banyak dijalankan pada hari minggu dan diluangkan bersama keluarga, kawan-kawan dan masa untuk sendiri. Aktiviti ini dilakukan untuk melepaskan ketegangan dan tekanan.

## 2.6 Pakaian Santai

Dalam buku *Fashion and Tekstil an overview*, ditulis oleh Colin Gale dan Jasbir Kaur, (2004), menyatakan apabila seorang pereka fesyen menganggap bagaimana gaya hidup hari ini membuat tuntutan ke atas pengguna fesyen moden, pilihan fabrik memainkan peranan penting dalam proses reka bentuk.

Pakaian santai merupakan pakaian yang bermusim sepanjang tahun. Pada asalnya, pakaian ini dikeluarkan oleh kedai-kedai mewah untuk dipasarkan kepada golongan-golongan bangsawan atau golongan mewah. Golongan ini akan menghabiskan aktiviti santai ketika musim panas dan sejuk serta musim luruh dan bunga.

Pakaian santai adalah gaya pakaian khusus, serta fesyen bermusim sepanjang tahun. Ia pada asalnya dipasarkan oleh kedai-kedai mewah dan koleksi hanya untuk pelanggan yang sangat mewah. Pakaian santai adalah sangat mudah untuk menjalankan pelbagai aktiviti dan selesa, keadaan ini menjadikan orang di seluruh dunia suka memakainya untuk hujung minggu.

Pakaian santai juga merupakan pakaian yang ringkas namun kelihatan elegan dan mewah di mana ia sesuai untuk dipakai dalam apa-apa musim dan dalam apa-apa majlis sekalipun. Pakaian santai menjadi pilihan golongan mewah kerana pakaian ini kelihatan mahal. Kebanyakan pakaian santai ini ringan dan selesa untuk dipakai dalam apa juga jenis musim. Justeru itu, pakaian santai juga sesuai dengan iklim di Malaysia yang panas dan lembap sepanjang tahun.

*“Pakaian santai ditakrifkan sebagai pakaian berfesyen sepanjang tahun, yang mudah untuk dipakai dan selesa dipakai dalam semua jenis iklim. Bertentangan dengan kepercayaan bahawa pakaian santai adalah pakaian pantai, gaya yang merangkumi pelbagai pakaian dari kaftan pakaian untuk wanita dan selesa dan dipakai pada waktu petang, baju ringan dan seluar untuk lelaki.”*

*Amrita Munchandani, (2010).*

Pakaian santai dapat dipakai pada bila-bila musim. Hal ini demikian kerana, pakaian santai bukan sahaja pakaian pantai, malah ia juga sebagai

pakaian yang bergaya, elegan dan kelihatan mewah dan sesuai juga untuk dipakai sama ada untuk musim bunga mahupun luruh dan musim panas mahupun sejuk. Rekaan pakaian santai diilhamkan daripada lokasi-lokasi yang eksotik dan luar biasa keistimewaananya. Oleh itu, hasilnya daripada kebanyakkan inspirasi pakaian santai adalah ringan kerana diperbuat daripada linen dan kapas dimana jenis kain tersebut adalah kain yang serat peluh.

Buku “An Insight Guide To Modelling On Your Mark”, (2008) mengatakan maksud pakaian santai yang juga dikenali sebagai pakaian pelayaran, pakaian santai adalah gaya pakaian yang merangkumi bersantai. Pereka hanya perlu berfikir tentang lokasi yang eksotik seperti Hawaii, Thailand, dan Costa Rica untuk visi inspirasi kebanyakkan pakaian ini adalah ringan dan diperbuat daripada bahan-bahan seperti linen dan kapas. Satu barisan peranginan termasuk puncak, seluar pendek, pakaian renang, dan aksesori pantai yang mudah untuk dibersihkan dan selesa untuk dipakai.

Pandangan tersebut menunjukkan bahawa pakaian santai adalah pakaian yang sesuai dan selesa untuk dipakaikan dalam apa juga situasi. Hal ini demikian kerana, rekaannya yang selesa dan penggunaan fabrik yang lembut serta menyerap peluh. Oleh itu, pakaian ini amat sesuai untuk dipakai di mana-mana sahaja dan dalam iklim yang panas dan lembap sepanjang tahun.

Amrita Mulchandani(2010) pakaian santai ditakrifkan sebagai pakaian berfesyen sepanjang tahun, yang mudah untuk dipakai dan selesa dalam semua jenis iklim. Bertentangan dengan kepercayaan bahawa memakai pakaian santai adalah sesuai dipakai di pantai , gaya yang merangkumi pelbagai pakaian dari kaftan sebagai pakaian untuk wanita dan selesa, baju yang ringan dan seluar untuk lelaki.

Aktiviti santai memerlukan pakaian yang selesa dan menarik supaya pelancong dapat bergerak bebas daripada segala aktiviti yang dilakukan. Selain itu, pakaian santai juga adalah pakaian yang kelihatan elegan dan menarik, di mana pemakai akan kelihatan kemas dan menampilkan pemakai lebih berkeyakinan.

Untuk semua masyarakat yang menganggap pakaian santai sebagai pakaian pantai, salah seorang pereka fesyen Anupama Dayal menjelaskan bahawa pakaian santai telah dipindahkan dari pakaian pantai kepada pakaian yang dapat dipakai pada bila-bila masa.

*“Apa-apa yang akan dipakai semasa cuti adalah pakaian santai ia adalah pakaian transformasi bermusim.”*

*Anupama, (2010)*

Pakaian santai yang ringkas dan kelihatan elegan mampu membuat pemakai pakaian santai memakainya pada bila-bila masa dan di mana-mana sekalipun. Keadaan ini dapat memberi keyakinan kepada pemakai untuk kelihatan hebat dan menarik ketika memakainya.

## 2.7 Pereka Pakaian Santai

Kini, dalam bidang pakaian santai yang berkembang dengan begitu pesat di mana pakaian santai terdapat pelbagai jenis pakaian santai daripada pereka sama ada pereka lama mahupun baru. Namun, permulaan wujudnya fesyen pakaian santai ialah hasil daripada Coco Chanel. Coco Chanel pada awalnya mereka pakaian santai untuk golongan-golongan mewah untuk menghabiskan waktu santai mereka.

Buku "Resort Fashion Style In Sun-Drenched Climates" oleh Caroline Rennolds Milbank yang telah diterbitkan oleh Rizzoli New York pada tahun 2009 mengatakan bahawa permulaan fesyen dalam organisasi fesyen santai telah direka oleh Gabrielle untuk Coco Chanel dalam tahun 1913.

Coco Chanel merupakan jenama yang mula-mula menciptakan fesyen pakaian santai dan perekanya ialah Gabrielle, yang diciptakan pada tahun 1913. Seterusnya, selepas Coco Chanel terdapat lebih ramai yang bergiat dan menceburi dalam pakaian santai ini contohnya Alexander McQueen, Tory Burch, Marc Jacobs dan ramai lagi.

## 2.8 Fabrik

Pakaian santai memerlukan pemilihan fabrik daripada jenis fabrik yang menyerap peluh. Hal ini demikian kerana, pemilihan fabrik akan memberi kesan kepada rekaan dan reka bentuk pakaian santai. Selain itu, pemilihan fabrik turut penting dalam memberi keselesaan kepada pemakai untuk bergerak bebas dalam musim panas dan sejuk atau bunga dan luruh.

Amrita Mulchandani, (2010) pakaian santai adalah pakaian yang unik dalam reka bentuk, ia biasanya dibuat daripada linen, kapas, dan banyak lagi daripada kain jenis menyerap peluh. Pereka fesyen, Rohit Verma berkata, pakaian santai telah menjadi pakaian yang serius sekarang. Di mana pakaian ini telah menarik golongan-golongan mewah dan remaja.

Fabrik dalam bentuk kapas dan lembut dapat memberi keselesaan mengiatkan diri dalam sebarang aktiviti aktif berbentuk santai, kerana fabrik dalam bentuk ini dapat menyerap peluh dan memberi keselesaan dalam bergerak bebas. Pemilihan fabrik juga mampu menentukan setiap gaya

pemakai. Pemilihan fabrik yang betul akan memberikan kesan yang cantik dan hebat dalam reka bentuk dan rekaan serta sihoutte dalam satu-satu pakaian santai. Selain itu, kajian warna diperlukan untuk beberapa jenis fabrik. Hal ini demikian kerana, setiap fabrik akan mewujkan warna-warna yang berbeza. Oleh hal yang demikian, perwarnaan untuk fabrik memerlukan kajian awal terlebih dahulu untuk mendapatkan warna yang cantik.

Pemilihan fabrik memerlukan pemerhatian dan pandangan-pandangan daripada beberapa orang. Pemilihan fabrik memberi pelbagai kesan terhadap gaya, fesyen semasa, kualiti, dan banyak lagi.

Selain itu, berdasarkan buku *Fashion From Concept To Consumer*, Gini Stephens Frings, (2010) lagi mengatakan ciri-ciri fabrik yang patut dipilih perlulah berdasarkan kepada tekstur, warna, corak dan banyak lagi.

*“Kesesuaian kain ditentukan oleh ciri-ciri seperti kandungan serat, menenun, tekstur, prestasi, corak, dan warna.”*

*Gini, S.(2010)*

Pemilihan fabrik menjadi keutamaan dalam setiap rekaan pakaian santai. Pemilihan fabrik yang menentukan teknik yang dilakukan dalam pakaian santai sama ada menggunakan teknik menyulam, tekstur dan banyak lagi.

## 2.9 Warna

Selain pemilihan fabrik, warna juga amat penting dalam mempengaruhi reka bentuk dan rekaan pakaian santai. Kebiasaannya pakaian santai menggunakan warna-warna yang lembut seakan-akan warna yang memberi

ketenangan kepada pemakai dan amat sesuai untuk diragakan dalam aktiviti santai, contoh warna yang sering digunakan ialah warna biru, kuning, merah, ungu, dan banyak lagi. kebanyakkan warna yang sering digunakan ialah warna alam semulajadi. Warna merupakan unsur utama dalam fesyen hari ini.

Dalam buku '*Fashion From The Concept To Consumer*', Gini, S.F.(2010), mengatakan bahawa warna ialah unsur yang pertama dalam tindak balas pelanggan. Warna adalah penting dalam fesyen hari ini. Dalam buku ini memberikan jenis-jenis warna, antaranya:

#### 2.9.1 Dimensi Warna

Warna mempunyai tiga perbezaan iaitu *hue*, *value* dan *intensity*. *Hue* membolehkan kita untuk memberitahu gabungan warna yang lain seperti merah daripada biru atau hijau. Manakala, *value* pula merujuk kepada penggunaan warna gelap dan cerah atau pengubahan kekuatan kecerahan dalam warna. Skala warnanya daripada putih kepada hitam. Putih adalah cahaya tulen, hitam adalah ketiadaan jumlah cahaya. Menambahkan putih bagi mencerahkan warna, dan menambah hitam untuk menggelapkan warna tersebut. selain itu, *intensity* atau *chroma* adalah tepu *relative*, kecerahan (kekuatan) atau pucat (kelemahan). Warna-warna terang dianggap *intensity* tinggi, yang pucat adalah *intensity* rendah.

#### 2.9.2 Warna Panas

Mengkelaskan warna merah, dan oren sebagai warna panas kerana persatuan mereka dengan api dan matahari.

Warna-warna panas adalah perangsang, agresif, dan meriah.

Merah dikaitkan dengan perkara-perkara yang hati, Kekasih, kasih sayang, dan cinta, ia juga menarik, berapi-api, dan berbahaya. Manakala, warna kuning cerah, ceria, mesra, dan yakin.

#### 2.9.3 Warna Sejuk

Antara warna-warna sejuk adalah biru, hijau, dan ungu, mengigatkan semua mengenai langit dan lautan. Biru tenang, tenang, dan terpelihara. Hijau adalah warna yang menenangkan, mencadangkan keamanan dan tenang. Manakala, ungu, sejarah yang berkaitan dengan roialti, telah datang untuk mewakili kekayaan, maruah dan drama.

#### 2.9.4 Warna Semulajadi

Dalam pakaian, warna-warna neutral seperti kuning air, tan, kelabu tua, coklat, putih, kelabu, dan hitam adalah lebih popular daripada warna hanya disebut. Neutral adalah sebahagian daripada gambar fesyen setiap musim ini, sama ada sebagai kenyataan fesyen yang kuat atau satu cara untuk mengisi cerita warna. Putih dikaitkan dengan kesucian dan kebersihan.

Penggunaan warna yang lembut seperti warna pastel sering digunakan kini dalam pakaian santai untuk menjelaskan emosi dan menunjukkan aktiviti yang dijalankan. Dalam pakaian santai

menggunakan warna-warna alam semulajadi dan warna-warna yang lembut untuk menunjukkan ketenangan, kedamaian dan keselesaan.

Amrita Mulchandani, (2010) warna-warna pastel adalah warna yang terbaik. Warna seperti emas lembut , pudina hijau, biola terang, ungu , hitam , syurga hijau , oren matahari terbenam dan kuning terjemur adalah pertaruhan selamat.

Dalam pakaian santai menjauhkan penggunaan warna-warna yang gelap malah sering menggunakan warna-warna yang lembut seolah-olah warna yang mengeluarkan emosi dan perasaan pemakai ketika itu. Selain itu, pakaian santai adalah pakaian yang tidak ketat. Hal ini demikian kerana untuk memberikan ketenangan dan kebebasan kepada pemakai.

*"Warna hitam dan pakaianya yang ketat apabila memakai perlu disimpan berehat. Percutian adalah pelarian dari kenyataan supaya seseorang itu perlu menikmati lebih dalam warna-warna , cetakan , kecantikan dan fabrik mewah, " kata Anupama(2010)*

## 2.10 Bentuk Atau *Silhouette*

Selain warna, dalam pakaian santai, *silhouette* juga amat diutamakan untuk menerangkan garis dan bentuk pada pakaian.

Buku '*Fashion From The Concept To Consumer*', (2010), ini juga mengatakan mengenai bentuk atau silhouette pakaian. Perekam menggunakan silhouette untuk menerangkan garis seluruh pakaian. Silhouette seharusnya berkait dengan struktur badan, namun sesetengah variasi memerlukan

tambahan untuk lebih menarik. Kadang-kadang, sesuatu bahagian dalam silhouette, seperti lengan, pinggul, atau bahu sangat mempengaruhi.

Seterusnya, dalam reka bentuk pakaian pereka akan menggunakan silhoutte sebagai melengkapkan bentuk pakaian tersebut supaya menjadikan pakaian seperti rekaan dalam lukisan. *Silhouette* amat penting dalam mereka bentuk pakaian agar pemakai sesuai untuk memakainya dan kelihatan hebat dalam fesyen kini.

## 2.11 Aksesori Pelengkap Kepada Pakaian Santai.

Apa yang patut dielakkan memakai untuk pergi ke sebuah resort? Anupama (2010) menegaskan bahawa pakaian terlalu berstruktur dan berserabut adalah sesuatu yang pemakai tidak perlu memakai dalam aktiviti santai.

*" Seseorang perlu pastikan tidak memakai pakaian berat seperti denim,*

*jaket atau apa-apa dengan terlalu banyak hiasan , " Avers Rohit(2010)*

Bobby bersetuju dengan pernyataan di atas dan mengatakan bahawa apa-apa yang terlalu formal atau pemakaian parti perlu dielakkan seperti jaket, baju dan seluar yang berat.

Pereka berpendapat mungkin dalam aksesori ini juga, pemakai akan kelihatan hebat apabila bergandingan dengan cermin mata hitam, topi besar dan kasut kaki terbuka. Perintis sebenar memakai pakaian santai ialah Tommy Bahama, Republik Banana dan J Crew, walaupun hari ini ramai pereka terkemuka seperti Michael Kors, Celine dan Versace juga mempunyai koleksi pakaian santai.

Dipetik daripada Suziana Nona, (2014) dalam majalah Nona setiap daripada pemakai pasti mempunyai gaya yang tersendiri. Tidak kira lah apa stail dan jenis fesyen kegemaran, ada satu pernyataan fesyen yang terangkum secara universal, aksesori. Aksesori yang mengiringi gaya menjadi sebagai pelengkap kepada stail keseluruhan suai padan pakaian. Daripada skaf sehingga alah kasut menjadi suai padan kepada fesyen pakaian santai.

Terdapat pelbagai aksesori yang boleh digayakan pada pemakai sama ada lelaki maupun perempuan. Aksesori boleh digayakan dari kepala hingga ke kaki. Antara aksesori di mana pemakai dapat gayakan ialah:

#### 2.11.1 Skarf

Skarf atau selendang yang bersifat universal ini boleh digayakan sama ada untuk lelaki dan juga wanita. Skarf yang dililit di leher memberikan ilusi gaya menarik, dari segi pemilihan warna dan juga fabrik. Jika semasa santai, anda boleh mengenakan skarf yang dibuat sepenuhnya dari fabrik kapas kerana ini memberikan keselesaan.

#### 2.11.2 Beg

Beg terdiri dari pelbagai jenis antaranya tas tangan, beg sandang dan beg genggam. Pemilihan tas tangan dilihat sesuai sekiranya anda menghadiri majlis-majlis istimewa yang tidak memerlukan anda mengisi terlalu banyak barang. Mungkin anda pernah melihat sesetengah wanita yang anggun mengenakan gaun labuh, namun tidak kena pada gaya kerana membawa beg

tangan besar semata-mata beg tangan itu daripada jenis yang berjenama. Jenis beg sandang pula sesuai untuk digunakan kala anda mengenakan pakaian ringkas untuk ke tempat kerja mahupun liburan.

### 2.11.3 Kaca Mata

Penggunaan kaca mata sebagai pelindung cahaya matahari kini sudah bertukar sebagai salah satu ikutan dan trend. Ini disokong dengan pelbagai rekaan yang dikeluarkan oleh label-label fesyen ternama. Sebagai contoh jika anda memiliki wajah berbentuk oval atau bujur anda amat bertuah kerana boleh mengenakan apa juga bentuk kaca mata hitam. Bagi yang berwajah bulat pula anda disarankan untuk mengenakan kaca mata hitam bersegi.

Tambahan lagi, Suliati Asri, (2011) dalam akhbar myMetro mengatakan bahawa, selain untuk bergaya, kaca mata hitam juga sememangnya sangat penting dalam penjagaan mata. Oleh itu, kaca mata hitam perlu dibawa bersama. Dengan sinaran matahari yang terik, ia boleh menghalang pandangan. Justeru itu, dengan adanya kaca mata hitam, pandangan mata akan lebih jelas dan mata kita juga tidak sakit. Ia juga boleh memelihara mata daripada pancaran cahaya matahari yang sangat terik dan penampilan juga akan lebih terserlah.

#### 2.11.4 Gelang Dempak

Pemakaian gelang dempak ini terdiri daripada pelbagai jenis cara dan gaya. Kebiasaannya pemilihan jenis-jenis gelang dempak bergantung pada acara yang akan dihadiri. Sebagai contoh, untuk gaya yang lebih santai seperti yang ditonjolkan di pentas Chanel, gelang dempak multi rona dilaraskan dengan pemakaian yang ranggi, bersahaja dan juga moden.

#### 2.11.5 Kasut Atau Sandal

Mengikut Suliati Asri, (2011) dalam myMetro lagi pemilihan kasut atau sandal hendaklah selesa dan sesuai. Untuk memberi keselesaan kepada pemakai sepanjang percutian di pulau, bawalah kasut atau sandal yang lebih ringkas dan santai. Supaya pemakai bebas untuk bergerak dan melakukan pelbagai aktiviti.

### 2.12 Hidupan Akuatik

Laut yang kebiruan menampakkan dan memberikan ketenangan serta kedamaian kepada yang melihatnya. Dimana, laut ialah salah satu ciptaan daripada Allah s.w.t yang tidak ternilai harganya. Tambahan pula dengan hidupan laut yang berwarna-warni dan menakjubkan membuatkan yang melihat terasa terpesona dengan keajaiban itu.

Mengikut Hafizahril Hamid, (2010), lautan merupakan satu anugerah tuhan kepada manusia yang tidak terperi indahnya dan tak tercapai dek akal

akan kewujudannya. Begitu juga dengan hidupan di dalamnya yang sehingga kini masih kekal sebagai satu misteri besar dalam kehidupan manusia.

Hidupan akuatik yang berwarna-warni dan kelihatan indah dengan spesies-spesies dan tabiat habitat yang berlainan membuat lautan menjadi syurga untuk hidupan akuatik. Hidupan akuatik yang mempunyai beribu-ribu jenis hidupan dan di antaranya manusia masih belum dapat menjumpai dan mengkjinya.

Justeru itu, hidupan akuatik ini perlu dipelihara dan memulihara agar ia dapat berkekalan hingga ke generasi yang akan datang. Hidupan akuatik merupakan khazanah alam yang tidak ternilai. Oleh hal yang demikian, setiap pengguna dan pelawat perlu bertanggungjawab dalam menjaga laut dan habitatnya.

Faten Saphilla Mohamed Isa, (2014), kepupusan spesies marin akibat penangkapan ikan yang keterlaluan dan perubahan cuaca melampau secara berterusan bakal memberi kesan kepada dunia. Dijangka kesemua bekalan ikan komersial dan spesies makanan laut akan habis menjelang tahun 2048. Analisis sejarah, eksperimen dan data perikanan berhubung spesies ikan di laut dan ekosistem, para penyelidik mendapati, ketika bekalan makanan utama semakin menekan, kepupusan kehidupan marin boleh mengganggu biodiversiti secara global.

### 2.13 Hidupan Akuatik Sebagai Pelengkap Pakaian Santai

Hidupan akuatik yang berwarna-warni dan pergerakan habitatnya boleh diambil sebagai pelengkap dalam pakaian santai. Melalui kehidupan yang

dikelilingi oleh alam semulajadi sebagai sumber untuk mendapatkan ilham untuk berkarya dengan lebih kreatif.

Dalam jurnal Abd. Rasid bin Ismail, (2012) yang bertajuk keindahan dalam reka bentuk motif seni hiasan fabrik tradisional melayu, dasar kehidupan yang dikelilingi oleh alam semulajadi sebagai sumber mendapatkan ilham untuk berkarya motif yang kreatif untuk dipersembahkan ke atas permukaan fabrik. Ini melambangkan masyarakat melayu sangat menghargai alam sebagai arah mendapatkan idea dalam membina lakaran kreatif.

Keadaan ini membuktikan bahawa masyarakat Melayu amat menghargai alam semulajadi sehingga menjadikan alam semulajadi sebagai motif dalam karya kreatif tersendiri. Motif alam semulajadi dalam pakaian santai menjadikan pakaian tersebut lebih dilihat kontemporari.

Artikel daripada myMetro, (2012), rekaan butik Anglia yang berasal daripada Singapura lebih kontemporari dan mengutamakan motif alam seperti flora dan fauna, malah corak itu dilukis pada bahagian tubuh pakaian. Corak tidak dilukis pada keseluruhan pakaian, sebaliknya meletakkannya di bahagian tertentu yang dapat menampakkan tubuh kelihatan ramping dan kecil.

Corak motif pada fabrik akan memberi kesan kepada reka bentuk pakaian tersebut dan juga akan memberi kesan kepada pemakainya. Berdasarkan kepada tajuk kajian pereka iaitu pakaian santai bermotifkan hidupan akuatik. Jadi, pengkaji perlulah memilih berdasarkan kepada hidupan akuatik untuk dijadikan sebagai motif dalam pakaian santai. Namun, sebelum itu terdapat pelbagai kaedah yang perlu diambil oleh pengkaji dalam menyelesaikan kajian ini antaranya kaedah perpustakaan, kaedah temu bual, kaedah soal selidik dan banyak lagi. Di mana, pereka lampirkan dan sertakan pada bab 3.

## 2.14 Peacock Mantis Shrimp Inspirasi Pakaian Santai

Peacock mantis shrimp atau udang lipan boleh dikatakan salah satu daripada makhluk yang paling menawan di laut. Badan keras yang penuh dengan warna-warna terang seperti merah, hijau, oren dan biru dan lengannya yang dilindungi. Selain itu, di bahagian atas kepalanya terletak satu set mata yang menonjol dan tidak hanya untuk persempahan. Mempunyai mata yang kompleks dalam alam haiwan yang mengandungi berjuta-juta sel peka cahaya, dengan 16 kon warna terbuka berbanding dengan manusia yang mempunyai warna terbuka berbanding dengan manusia yang mempunyai hanya tiga. Peacock mantis shrimp boleh mengesan cahaya ultra ungu. Ia juga hidup di celah-celah batu karang dan batu-batu di dasar laut.

Terdapat 400 spesies peacock mantis shrimp di seluruh dunia. Ia boleh menumbuk dengan kelajuan yang sama dengan peluru berkalisber. Oleh iyu, ia boleh membunuh mangsa yang lebih besar daripadanya dengan menggunakan appendages. Ia biasanya memakan gastropod, ketam dan moluska.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## BAB 3

### METODOLOGI KAJIAN

#### 3.0 Metodologi Kajian

Merupakan kaedah yang akan digunakan oleh pengkaji dalam mencapai objektif kajian. Pengumpulan data dan maklumat daripada hasil penulisan-penulisan, teks, temuramah dan banyak lagi sebagai bukti kukuh kajian pengkaji.

#### 3.1 Reka Bentuk Kajian

Perancangan yang menentukan cara dan kaedah penyelidikan sebagai untuk menemukan jawapan kepada permasalahan berdasarkan tajuk pengkaji. Reka bentuk kajian berdasarkan kepada kualitatif dan kuantitatif. Kualitatif dikaji berdasarkan kepada strategi dan perkaitan sebab dan akibat. Manakala, kuantitatif ialah cara pengukuran dan pengumpulan data.

#### 3.2 Kaedah Kajian

Kaedah kajian disenaraikan seperti berikut bagi memudahkan penyelidik menilai kekuatan daripada kelemahan kaedah penyelidikannya daripada sudut dan sifat permasalahan yang bakal diselesaikan.

- Kaedah perpustakaan
- Kaedah lapangan
  - Temu bual
  - Pemerhatian dan lawatan

### 3.3 Prosedur Kajian


Prosedur kajian adalah spesifikasi dan sesuatu yang khusus dalam kajian itu dibuat bagi melancarkan urusan untuk mendapatkan sumber-sumber maklumat yang diperlukan. Prosedur bagi setiap kaedah dan cara yang dibuat adalah seperti berikut:

#### 3.3.1 Kaedah perpustakaan / kajian teks

3.3.1(a) Perpustakaan yang menjadi tempat rujukan adalah :

- Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan, Kampus Bachok.


MALAYSIA  
UNIVERSITI  
KELANTAN



Rajah 1 : Aliran yang digunakan untuk mendapatkan maklumat kajian berdasarkan kepada kaedah perpustakaan dan kajian teks.

### 3.3.2 Kaedah Lapangan

#### 3.3.2(a) Temu Bual




Rajah 2 : Aliran yang digunakan dalam temu bual untuk mendapatkan

maklumat daripada tokoh.

### 3.3.3 Soal Selidik

Dijalankan untuk mendapatkan maklumat yang tepat dan betul. Borang soal selidik diperlukan untuk memudahkan lagi kajian atau untuk mendapatkan maklumat yang tepat berdasarkan kepada citarasa lapisan remaja akhir. Selain itu borang soal selidik ini juga diagihkan secara rawak kepada remaja akhir (18 hingga 30).



Rajah 3 : Aliran daripada kajian soal selidik daripada lapisan remaja akhir.

### 3.4 Kesimpulan

Kajian ini dilakukan bertujuan untuk mengkaji sesuatu perkara dengan lebih jelas dan harap agar objektif kajian dapat memudahkan kajian ini serta juga dapat memperbaharui kajian dan penyelidikan yang dilakukan oleh pereka. Kajian mengenai pakaian santai bermotifkan hidupan akuatik, untuk mencari bagaimana dan sejauhmana motif hidupan akuatik dalam pakaian santai. Selain itu, sejauhmana pakaian santai dalam fesyen dunia kini. Oleh hal yang demikian, terdapat beberapa kaedah yang perlu diambil dan digunakan oleh pereka dalam membuat kajian ini.


UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

## Bab 4

### PERKEMBANGAN PROJEK

#### 4.0 Perkembangan Projek

Analisis projek menerangkan mengenai proses analisis projek atau proses perkembangan projek. Proses perkembangan projek bermula daripada papan cerita atau mood board, sketches atau ilustrasi, kajian warna, pemilihan satu rekaan, lukisan teknikan, patter drafting atau manipulasi pattern, toile, pemilihan fabrik untuk rekaan, sample daripada teknik batik, teknik sulaman dan teknik pemidang, produksi pakaian seterusnya produk aksesori. Rajah dibawah menunjukkan proses analisis projek yang digunakan untuk memperkembangkan projek.



Rajah: Proses pembangunan projek

Setiap proses yang dilakukan perlu menampakkan kesinambungan antaranya. Untuk melengkapkan produk pengkaji perlu menghadapi beberapa proses untuk menentukan pemilihan rekaan yang terakhir untuk menghasilkan

produk yang benar. Proses pertama merupakan proses dalam menentukan konsep rekaan dalam proses ini, pengkaji perlu mengetahui jenis-jenis hidupan akuatik, daripada itu pengkaji perlu memilih satu hidupan untuk dijadikan sebagai sumber inspirasi dalam kajian. Setelah itu, pengkaji perlu menjalani proses kedua iaitu proses untuk rekacorak pada testil. Dalam proses kedua ini, pengkaji mereka rekaan rekacorak untuk diletakkan pada tekstil danc ain yang putih dan kosong. Rekacorak tersebut hendaklah diinspirasikan daripada hidupan laut yang telah dipilih oleh pengkaji. Seterusnya, proses rekabentuk fesyen, di dalam poses ini, pengkaji perlu membuat rekaan fesyen yang bersesuaian dengan tajuk kajian. Seterusnya, proses akhir adalah proses membuat produk aksesori, oleh itu, pengkaji perlu mengetahui produk bersesuaian digayakan dengan pakaian santai. Proses-proses tersebut perlu dihadapi oleh pengkaji dalam menyiapkan penyelidikan ini.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

#### 4.1 Menentukan Konsep Rekaan



Gambar: Menunjukkan papan cerita atau *mood board* yang diinspirasikan daripada hidupan laut. (Sumber:Noor Hidayu Binti Hussin, 2015)

Papan cerita bertujuan untuk menceritakan secara ringkas kepada umum mengenai kajian yang dikaji. Apa yang dapat diceritakan daripada papan cerita tersebut adalah pakaian santai yang diinspirasikan daripada peacock mantis shrimp. Peacock mantis shrimp merupakan udang yang mempunyai pelbagai warna pada badannya seperti hijau lumut, jingga, ungu, biru, merah, kuning dan hitam. Walaubagaimanapun, kajian ini turut dikaitkan dengan hidupan laut lain iaitu terumbu karang yang menjadi sebahagian tempat tinggal *peacock mantis shrimp*.

Selain itu, kembara laut merupakan simbolik bagi rekaan pakaian santai yang diinspirasikan daripada peacock mantis shrimp.

Ia membuat rumah sendiri, mereka menggali ke bawah laut dan membina lubang berbentuk ‘U’ dalam lumpur, kerikil atau pasir. Lubang-lubang biasanya diperbuat berhampiran struktur terumbu karang yang mengandungi span lembut.

Berkonsepkan pakaian santai yang dipakai pada majlis hotel mahupun majlis awam yang melibatkan imej pemakai. Rekaan pakaian santai ini menonjolkan simbol elegan dan mewah selain itu, sesuai untuk golongan remaja akhir yang berumur antara 18 hingga 30 tahun

## 4.2 Proses Rekacorak Pada Tekstil

Proses rekacorak pada tekstil melibatkan pemilihan motif, perkembangan idea motif, pemilihan warna, pemilihan teknik yang digunakan dan kesannya terhadap fabrik. Di samping, proses yang melibatkan teknik batik, sulaman, pemidang, digital printing dan lain-lain merupakan teknik-teknik yang perlu dipilih oleh pengkaji dalam menentukan kesan terhadap fabrik dan produk.

### 4.2.1 Pemilihan Motif dan Perkembangan Idea Motif

Pemilihan motif merupakan proses yang pertama dalam kajian ini. Pengkaji perlu mengenalpasti beberapa spesies hidupan laut, hidupan laut yang berwarna-warni menjadi simbol dalam kajian ini. Tambahan pula, mengetahui akan kepentingannya kepada ekosistem bumi. Oleh itu, pereka telah memilih peacock mantis shrimp sebagai sumber inspirasi dalam kajian ini.

Peacock mantis shrimp menjadikan terumbu karang sebagai tempat tinggal, sumber makanan, dan sebagai kawasan lindungan bagi dirinya.



Gambar: *The Peacock Mantis Shrimp* oleh Loraine Louts, (2014)

*Peacock mantis shrimp* boleh dikatakan salah satu daripada makhluk yang paling menawan di laut. Badan yang keras dan dipenuhi dengan warna-warna yang terang seperti merah, hijau, oren, dan biru. Di samping mempunyai set mata yang menonjol. Matanya adalah yang paling kompleks dalam alam haiwan yang mengandungi berjuta-juta sel yang peka pada cahaya.



Gambar : Kehidupan *peacock mantis shrimp* dalam laut dalam.

Selain itu, peacock mantis shrimp merupakan pemburu yang sangat agresif pada waktu siang dan malam. Apabila peacock mantis shrimp berehat, mereka biasanya berehat di dalam lubang berbentuk ‘U’ yang dibentuk daripada terumbu karang.

*Peacock mantis shrimp* menjadikan terumbu karang sebagai kawasan untuk tempat tinggal, berlindung dan sumber makanannya. Oleh itu, terumbu karang merupakan hidupan laut yang paling penting kerana ia menyebabkan sistem fotosintesis berlaku.

#### 4.2.2 Perkembangan Motif

Perkembangan motif yang bermula dengan pemilihan motif, setelah itu, motif tersebut perlu dikembangkan dan diolah untuk mendapatkan rekaan corak yang menarik. Selain itu, perkembangan motif hendaklah selaras dan dikaitkan dengan konsep rekaan berdasarkan tajuk kajian pengkaji. Di samping itu, warna yang digunakan adalah warna daripada motif yang telah dipilih oleh pengkaji iaitu peacock mantis shrimp. Perkembangan motif pengkaji bermula dengan lukisan peacock mantis shrimp dengan menggunakan warna air.

KELANTAN




Gambar: Lukisan *peacock mantis shrimp* menggunakan warna air.



Gambar 4: Lukisan *peacock mantis shrimp* menggunakan warna air.

MALAYSIA  
KELANTAN



Gambar: Lukisan perkembangan idea daripada mata *peacock mantis shrimp*.




Gambar: Lukisan olahan perkembangan idea daripada *appendages peacock mantis shrimp*.

## MALAYSIA KELANTAN

### 4.2.3 Perkembangan Reka Letak dan Pemilihan Reka Letak

Perkembangan reka letak adalah unsur yang penting dalam menghasilkan satu karya. Setiap perletakkan reka letak, penampakkan alunan adalah penting untuk menghasilkan karya yang menampak hidup dan beralun. Terdapat pelbagai jenis

susunan reka letak yang dapat digunakan dalam karya batik  
antaranya menegak, menyerong,



Gambar: Mengambil *detailing* pada kepala *peacock mantis shrimp*.



Gambar : Olahan yang diambil daripada kaki *peacock mantis shrimp*.



Gambar : Idea perkembangan reka letak yang diinspirasikan daripada *peacock mantis shrimp*.



Gambar : Idea perkembangan reka letak yang diinspirasikan daripada *peacock mantis shrimp*.

MALAYSIA

KELANTAN



Gambar : Idea perkembangan reka letak yang diinspirasikan  
daripada *peacock mantis shrimp*.




Gambar : Idea perkembangan reka letak yang diinspirasikan  
daripada *peacock mantis shrimp*.

KELANTAN

#### 4.2.4 Pemilihan Warna Untuk Reka Corak Batik

Pemilihan warna yang dipilih adalah berdasarkan inspirasi *peacock mantis shrimp*. Kepelbagaiannya warna yang harmoni pada badannya seperti warna jingga, ungu, merah, biru, hijau, hitam dan lain-lain lagi.



Gambar: Warna yang telah dikeluarkan daripada badan *peacock mantis shrimp* dengan menggunakan *Adobe Illustration* oleh pengkaji.

Warna-warna yang ada pada badan *peacock mantis shrimp* menjadi sumber inspirasi dalam kajian penyelidikan ini dalam mencorakkan fabrik.

#### 4.3 Fabrik

Pereka perlu mengenalpasti jenis fabrik yang sesuai untuk digunakan dalam penghasilan produk. Terdapat pelbagai jenis fabrik yang boleh digunakan oleh pengkaji untuk menghasilkan produk antaranya *chiffon*, *crepe de Chine(cdc)* dan pelbagai lagi. Oleh itu,

pengkaji telah memilih fabrik jenis *chiffon*. Hal ini demikian kerana, fabrik *chiffon* memberi kesan yang beralun dan lembut ke atas pakaian. Selain itu, fabrik *chiffon* juga amat sesuai dengan cuaca di Malaysia yang beriklim panas dan lembap sepanjang tahun. Hal ini sesuai dengan kenyataan daripada blog Nash Fesyen mengenai ‘mengenali fabrik *chiffon*, *georgette*, dan *lycra*’, Kak Ros (2013), Teksturnya yang lembut, beralun dan ringan sentiasa memberi keselesaan yang berpanjangan sesuai dengan cuaca panas dan lembab. *Chiffon* sesuai dibuat pakaian tradisional dan moden. Oleh kerana sifatnya yang tembus cahaya (*transparent*) biasanya *chiffon* dilapisi dengan kain pelapik (*lining*) sama ada dari kain satin atau kain lapisan dalam yang lain.

Selain itu, pengkaji memilih ikon fesyen Alexander McQueen dan sebagai sumber inspirasi dalam mencipta pakaian santai. Hal ini demikian kerana, penggunaan warna yang eksotik dan harmoni amat sesuai dengan inspirasi hidupan laut iaitu *peacock mantis shrimp*. Oleh itu, rekaan Alexander McQueen menjadi sumber ilham pereka.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN



Gambar : Sea creatures fashion oleh Alexandar McQuen, (2009),

#### 4.3.1 Teknik

Teknik merupakan cara dan kaedah bagaimana untuk mencorakkan dan menambahkan tekstura dan tekstur pada fabrik. Terdapat pelbagai teknik yang dapat diperlakukan pada pakaian. Teknik yang dipilih perlu bersesuaian dengan tajuk kajian yang dilakukan oleh pereka. Antara teknik yang dapat digunakan ialah teknik batik, sulaman, pemidang, tampil hias, digital printing, mencetak dan lain-lain lagi. Oleh itu, pereka telah memilih untuk melakukan teknik batik, pemidang dan sulaman.

#### 4.3.1(a) Teknik batik

Teknik batik adalah teknik yang memerlukan proses ketelitian dalam mencanting dan mewarnakan motif. Fungsi mencanting adalah untuk menutup pori dengan menggunakan lilin. Teknik batik digunakan oleh pereka dalam menghasilkan warna dan corak pada fabrik yang putih. Warna yang dihasilkan adalah warna yang berkait dengan motif yang dipilih iaitu *peacock mantis shrimp*.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN



Gambar : Teknik batik yang dilakukan pada bahagian badan pattern.

#### 4.3.1(b) Teknik pemidang

Teknik pemidang merupakan teknik yang memerlukan kain renggang supaya dapat membuat tekstura pada kain yang direnggang itu.



Gambar : Teknik pemedang yang dijahit bersama lace dan beads untuk menaikkan tekstura. (sumber: Noor Hidayu Binti Hussin, 2015)

Teknik pemedang dibuat sepenuhnya dengan menggunakan jahitan tangan. Oleh hal yang demikian, tekstura-teksutra yang dihasilkan tidak sama. Justeru itu, kesabaran yang tinggi diperlukan untuk menghasilkan tekstura yang lebih halus.

UNIVERSITI

MALAYSIA

KELANTAN



Gambar: Tekstura pada bahagian tubuh baju dengan menggunakan teknik pemidang, (sumber: Noor Hidayu Binti Hussin, 2015)

Gambar di atas menunjukkan sebahagian lace, benang silver dan beads yang telah siap dijahit untuk menampakkan tekstura.

## MALAYSIA

### 4.3.1(c) Teknik sulaman

Teknik sulaman merupakan teknik yang digunakan dalam menghasilkan tekstura dengan menggunakan mesin sulaman.



Gambar : Teknik sulaman pada bahagian tubuh baju, (sumber : Noor Hidayu Binti Hussin,2015)

#### 4.4 Olahan Rekabentuk Fesyen

Olahan rekabentuk fesyen merupakan proses untuk mendapatkan rekaan akhir iaitu rekaan yang terbaik untuk dijadikan produk yang sebenar. Oleh itu, rekaan ini memerlukan rekaan daripada olahan yang pertama seterusnya diolah dalam beberapa idea untuk mendapatkan rekaan yang terbaik. Oleh sebab itu, untuk mendapatkan rekaan yang terbaik memerlukan inspirasi daripada sumber lain.

##### 4.4.1 Rekabentuk Fesyen Terpilih


Rekabentuk fesyen yang dipilih merupakan rekaan yang terbaik yang telah mencapai sasaran berhubung kait dengan tajuk kajian pengkaji iaitu ‘peacock mantis shrimp inspirasi pakaian santai.



Gambar : olahan rekabentuk fesyen akhir yang terpilih bagi  
pakaian santai atau *resort wear* (sumber: Noor Hidayu Binti


Hussin, 2015)

KELANTAN



Gambar : Olahan rekabentuk fesyen bagi pakaian santai atau *resort wear*. (sumber: Noor Hidayu Binti Hussin, 2015)

MALAYSIA  
KELANTAN



Gambar : Tekap pola pada fabrik chiffon untuk membuat batik canting.

Corak pada rekaan ditekap terlebih dahulu pada fabric, untuk memastikan langkah seterusnya senang untuk dilakukan. Pensil yang digunakan untuk menekap iaialah anatara 5B hingga 8B.

MALAYSIA  
KELANTAN



Gambar : Warna batik pada fabric chiffon yang telah ditekap.

Fabrik yang telah siap ditekap kemudiannya diletakkan pada pemidang dan warna terlebih dahulu, mengikut atas teknik yang hendak digunakan.


MALAYSIA  
KELANTAN



Gambar: Pewarnaan batik pada pola badan dan lengan.

UNIVERSITI  
MAJLIS SIA  
Untuk mengeluarkan warna-warna tersebut. Terlebih dahulu pengkaji melakukannya ke atas fabrik sample. Hal ini demikian kerana, kesemua warna tersebut perlu dicampur dengan warna lain untuk mendapatkan warna yang betul.

KELANTAN



Gambar : Teknik pemidang, lace dijahit pada fabrik chiffon

Lace dijahit pada fabrik chiffon kerana untuk mendapatkan tekstura. tekstura diinspirasikan daripada badan peacock mantis shrimp menampakkan lebih ekslusif dan elegan.

MALAYSIA

KELANTAN



Gambar: Teknik sulaman mesin

Pengkaji membuat campuran teknik antara batik, pemidang dan sulam mesin. Hal ini demikian kerana, rekaan ini dihasilkan untuk menampakkan elegan dan inspirasi daripada hidupan peacock mantis shrimp.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN



Gambar: Baju yang separuh siap.

Rekaan yang telah separuh siap, tekstura yang dilakukan dengan menggunakan teknik pemidang kelihatan timbul dan menawan.

KELANTAN

#### 4.5 Produk Aksesori

Produk aksesori merupakan item tambahan yang dijadikan sebagai penyeri baju. Rekaan produk aksesori mampu memberikan satu imej santai dan elegan untuk pakaian santai.



Gambar: Fabrik organza digunakan untuk dibuat shawl sebagai aksesori.



Gambar: Aksesori untuk rekaan diinspirasikan daripada peacock mantis shrimp.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## Bab 5

### Keusahawanan Kreatif

5.1 sasaran pasaran

5.2 pasaran campuran (marketing mix)

5.2.1 mengenalpasti jenis produk yang dihasilkan

5.2.2 menentukan harga produk

5.2.3 mengenalpasti produk

5.2.4 promosi produk

5.3 kaedah pasaran (method of display)

KELANTAN

## 5.0 Keusahawanan Kreatif

Keusahawanan bermaksud segala yang berkaitan dengan usahawan atau kegiatan usahawan dan kemahiran usahawan. Manakala, kreatif membawa maksud kebolehan menghasilkan dan mengembangkan idea baru. Dalam keusahawanan kreatif pengkaji perlu mengetahui cara bagaimana untuk komersial produk secara kreatif untuk menarik pelanggan yang telah dipilih golongan umur. Oleh hal yang demikian, ini memberi peluang kepada pengkaji untuk mencuba diri dalam sektor keusahawanan. Oleh itu, pengkaji perlu memikirkan cara untuk bergerak secara kreatif.

Bidang keusahawanan amat sesuai dengan zaman kini dimana setiap ke usahawanan perlu memikirkan secara kreatif dan kritis untuk membentuk sesuatu yang baru. Seiring dengan matlamat Universiti Malaysia Kelantan dalam melahirkan insan yang berdaya saing dalam bidang keusahawanan.

Keusahawanan kreatif dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu sasaran perniagaan (target market), campuran pasaran (marketing mix) yang terdiri daripada produk, harga, tempat dan promosi serta kaedah paparan (method of display).

### 5.1 Sasaran Pasaran

Sasaran pasaran bermaksud siapa sasaran untuk produk yang dihasilkan dalam kajian ini. Untuk mengenalpasti siapa golongan yang sesuai dalam kajian ini, pengkaji perlu melihat dari pelbagai aspek. Hal ini demikian kerana, setiap pelanggan mempunyai latar belakang yang berbeza. Penilaian dari segi harga produk, ciri-ciri produk, fungsi produk adalah penting dalam mengenalpasti sasaran pasaran.

Sasaran pasaran pengkaji adalah remaja akhir yang tergolong dalam umur 18 hingga 30 tahun. Hal ini demikian kerana, pakaian santai pada awalnya adalah untuk golongan atasan. Oleh itu, pengkaji telah memilih golongan remaja akhir ini kerana mereka telah mampu untuk membeli secara berdikari tanpa mengharap bantuan daripada keluarga. Selain itu, golongan ini juga telah mampu dan berani untuk membuat cabaran luar.


## 5.2 Pasaran Campuran (*Marketing Mix*)

### 5.2.1 Produk

Produk merupakan barang siap yang akan dipamer dan dijual kepada pengguna bersama dengan barang lain. produk yang hendak dikeluarkan haruslah dalam keadaan baik dari segi dalaman dan luarannya. Kualiti produk perlu dijaga dalam memastikan pelanggan berasa berpuas hati dan sseterusnya mampu menarik lagi pelanggan untuk mendapatkan produk.

Produk yang dibangunkan dalam kajian ini ialah baju,seluar, kemeja, selendang,

MALAYSIA  
KELANTAN



Gambar : antara produk yang ditawarkan untuk pengguna iaitu baju, skirt dan selendang.

### 5.2.2 Menentukan Harga Produk

Harga merupakan jumlah wang yang dikeluarkan oleh pengguna untuk membeli produk sebagai tukaran. Setiap harga yang dikeluarkan hendaklah bersesuaian dengan produk yang dihasilkan. Selain itu, harga sesuatu barang yang dikeluarkan juga hendaklah dipertimbangkan dengan pelanggan.

Sebelum meletakkan harga yang betul, pengkaji perlu mengetahui beberapa strategi dalam menentukan harga pasaran iaitu dengan melihat dan memerhati dalam harga, harga berasaskan kos, dan harga ganjil. Daripada premerhatian berikut, pengkaji perlu

membuat keputusan dalam pengiraan kos sepenuhnya pada kos penghasilan satu pakaian.

Bagi rekaan produk yang dihasilkan dalam kajian ini, harga produk dipertimbangkan dengan meliputi keseluruhan kos rekaan, fabrik, material jahitan, dan juga kos penghasilan satu pakaian.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

jenis	Items/material	Harga/unit (RM)	Kuantiti	Jumlah harga (RM)
Fabrik	chiffon	30.00	9.5	285.00
	Rayon fuji 45'	5.50	3	16.50
	Lace	680.00	1	680.00
	Plain poly	3.80	12	45.60
	Neck	4.00	2	8.00
				1027.1
Alatan jahitan	Pelbagai jenis			
	Alatan jahitan	90.35		90.35
				90.35
Jumlah				1117.45

## Kos penghasilan produk

Batik (RM)	Sulaman (RM)	Jahitan manik (RM)	Jahitan (RM)
300.00	200.00	250.00	500.00
Jumlah(RM): 1250.00			

Jumlah keseluruhan(RM): 2367.45

### 5.2.3 Mengenalpasti Lokasi

Tempat merujuk kepada lokasi yang strategi dimana kawasan tersebut sebagai tempat tumpuan orang ramai. Oleh itu, pemilihan lokasi adalah penting bagi untuk memasarkan produk rekaan supaya produk sampai kepada pengguna yang betul. Terdapat beberapa jenis kedai runcit yang beroperasi untuk memasarkan produk rekaan, antaranya pasar raya, rantaian barang am, peruncit,

Kajian ini memilih untuk menjual produk rekaan di kawasan-kawasan yang menjadi pusat pelancongan. Tambahan pula, lokasi tersebut adalah lokasi tumpuan pelancong dari luar dan dalam negara datang untuk melakukan aktiviti pelancongan.

### 5.2.4 Promosi Produk


Promosi merupakan kaedah atau cara untuk memperkenalkan produk baru terhadap orang ramai. Terdapat pelbagai kaedah dan cara promosi yang dapat dibuat untuk menarik pihak pengguna, antaranya adalah pengiklanan melalui media massa, walaubagaimanapun, kaedah promosi juga boleh dilakukan dengan cara membuat jualan langsung dan juga jualan persendirian.

Selain itu, kajian ini juga boleh menggunakan kaedah promosi melalui mulut ke mulut. Daripada kaedah tersebut, tidak memerlukan pengeluaran yang banyak. Oleh itu, kaedah promosi ini menjimatkan kos pengeluaran.

### 5.3 Kaedah Paparan(method of display)

Merangkumi cara gaya penyampaian sesebuah produk kepada pengguna. Oleh sebab itu, pengkaji menghasilkan bisnes kad dengan bertujuan untuk memperkenalkan kepada orang ramai dalam menghasilkan produk-produk baru.

#### 5.3.1 Kad perniagaan (business card)



Gambar: kad perniagaan sebagai identiti sesebuah perniagaan yang dilakukan oleh pengkaji.

## BAB 6

### Kesimpulan Dan Cadangan

#### 6.1 Pengenalan

Bab akhir ini membincangkan rumusan untuk keseluruhan penyelidikan yang telah dibuat oleh pengkaji. Rumusan ini merangkumi tajuk kajian iaitu '*peacock mantis shrimp* inspirasi pakaian santai'. Dalam rumusan ini, pengkaji hendaklah memastikan semua langkah atau usaha yang dilakukan untuk menyiapkan kajian ini bagi mencapai objektif seperti yang dirancang.

#### 6.2 Capaian tujuan dan objektif

Keseluruhan kajian ini mencapai tujuan dan objektif yang telah dikemukakan pada permulaan kajian ini dilakukan. Oleh hal yang demikian, segala objektif telah menjawab tujuannya.

- 1- Kajian ini telah mencapai objektif dalam menghubungkaitkan pakaian santai dengan konsep eko-pelancongan.
- 2- Kajian ini juga mencapai dalam penggunaan warna-warna eksotik yang diinspirasikan daripada *peacock mantis shrimp*.
- 3- Kajian ini telah berjaya dalam objektif mencipta rekaan yang bersesuaian dengan konsep santai yang dipakai pada majlis-majlis tertentu di hotel atau kawasan awam yang melibatkan imej pemakai.

Oleh hal yang demikian, kajian ini berjaya membawa satu matlamat mengenai kepentingan pakaian santai terhadap sektor eko-pelancongan. Di samping, mengenai kepentingan menjaga ekosistem hidupan laut yang bersesuaian dengan tema dan konsep ‘*save our sea*’.

Selain itu, penggunaan warna yang eksotik dan harmoni diletakkan dalam rekaan pakaian santai untuk memberikan perasaan yang aktif, tenang dan harmoni pada pemakai. Oleh hal yang demikian, pemakai dapat melakukan aktiviti secara tenang dan melupakan segala tekanan.

Tambahan lagi, penggunaan warna-warna tersebut memberi impak yang besar dengan adanya unsur-unsur *peacock mantis shrimp*, menunjukkan identiti pakaian santai yang digayakan pada majlis-majlis tertentu di hotel mahupun di kawasan awam yang melibatkan imej pemakai.

### 6.3 Cadangan penambahbaikan

Hasil daripada kajian yang dilakukan daripada tajuk kajian iaitu ‘*peacock mantis shrimp* inspirasi pakaian santai’, pengkaji dapat membuat beberapa perkara yang boleh ditambahbaikan antaranya adalah:

- 1- Kajian yang lebih menyentuh mengenai cara pemakaian kepada golongan yang berumur 18 hingga 30 tahun yang bertaraf tinggi dalam pakaian santai.
- 2- Kajian lanjut mengenai pengaruh eko-pelancongan terhadap aktiviti santai.
- 3- Kajian ini menyentuh mengenai cara untuk komersial produk, oleh itu, pengkaji perlu mengenalpasti masalah yang menjadi halangan untuk mempromosi dan mengembangkan produk yang berasaskan pakaian santai atau *resort wear*.



UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

## RUJUKAN

### BUKU

Amrita Mulchandani, (2010). Resort Wear: High on Trend Meter

Azmi, BA(Hons), Rusidah, BA(Hons)&Hazlina Msc(Ed Admin), (2008). Teks & Rujukan Lengkap PMR Geografi Arah Pendidikan Sdn.Bhd.

Cosmopolitan, Santai Selesa, Sri Azni Azrani, (2015), cosmo

EH!, Dunia+Lelaki, Hafizan Mohd, (2015), BluInc.

Faten Saphilla Mohamed Isa (2014), Selamatkan Hidupan Marin

Gini, S.F. (2010). Fashion From Concept To Consumer. Pearson Education, Inc, 150, 222-231.

In Style, The New Secrets of Style, Jennifel Alfano and Bess Yoham, (2009), InStyle

Hafizahril Hamid(2010). 1001 Rahsia Hidupan Laut, Utusan Melayu (m) Bhd.

Hillary Kerr, Katherine, P. (2011). What To Wear, Where. Abrams Image, 18-19.

Manoj Tiwari, Kapil Khulbe, Archana Tiwari. (2007). Environment Studied. I.K.I. International, 118-120.

Maria Gracia Inglesis, (summer semester 2008), Communicating Through Clothing : The Meaning of Clothing Among Hispanic Women of Different levels of Acculturation.

Nona, Cermin Stail dan Penampilan, Fiezreen Ahmad, (2014), grupmajalah karangkraf.

Resort Fashion, Style in Sun-Drenched Climates, Caroline Rennolds Milbank, (2008), Rizzoli International Publication.INC.

Rosnah, BA(Hons), DipEd. Shukri, BA Ed (Hons), Zainon BA (Hons), DipEd, (2007). STPM & PRA-U Geografi Fizikal Teks & Rujukan Lengkap. Arah Pendidikan Sdn.Bhd

Sumathi, G.J. (2002). Elements of Fashion and Apparel Design, New Age International Publishers.

Suziana Nona (2014). Aksen Aksesori Pelengkap Gaya.

The Logo Brainstorm Book, Jim Krause, (2012), How Books.

2000 Color Combination for graphic, textile and craft designers, Garth Lewis, (2009), Barron's.

## INTERNET

Bernama, (20, November 2012) Sektor Pelancongan Menjana Aktiviti Ekonomi,  
[www.themalaysiantimes.com.my/sektor-pelancongan-menjana-aktiviti-ekonomi](http://www.themalaysiantimes.com.my/sektor-pelancongan-menjana-aktiviti-ekonomi).

Helmi Mohd Foad, (16 Ogos 2013), kemasukan pelancong meningkat, Utusan Online. Retrieved from  
<http://ww1.utusan.com.my>

M Jasni Majed, (01 April 2014), Tahun Melawat Malaysia dan Cabarannya, Utusan Online. Retrieved from <http://ww1.utusan.com.my>

Miss Yaqeen Ahmad, (24 Julai 2008), Apa itu Riadah?. Retrieved from  
<https://yaqueenahmad.wordpress.com>

Pelancongan: Malaysia Kedua Terbaik Dalam ASEAN.(2012, May 30). Berita Harian. Retrieved from  
<http://www.bharian.com.my>

Sea Creatures Fashion by Alexander McQuen, 2009. Retrieved from <http://fashionbomdaily.com>

Suliati Asri, (2011,April 06). Gaya Sesuai Cuti di Pulau,myMetro. Retrieved from <http://www.hmetro.com.my>

Lorraine Louts, The Peacock Mantis Shrimp, (17 September 2014). Retrieved from <http://thedancingrest.com>

WanderLust DJ, (20 December 2014), Malaysia Year of Festivals (MyFEST)2015. Retrieved from <http://wanderlustdj.blogspot.com>